



# ALPHA INDUSTRIES SDN BHD

## HARI KELUARGA PENGALAMAN DI LEGOLAND MALAYSIA

**22 Julai 2022** adalah hari yang dinantikan oleh pekerja Alpha Industries selepas 2 tahun syarikat tidak menjalankan aktiviti Hari Keluarga disebabkan oleh Pandemik Covid-19.

Aktiviti dimulakan seawal jam 7:00 pagi. Semua pekerja dan ahli keluarga pekerja mendaftar masuk kemudian mengambil tiket masuk Legoland, baucar tunai dan tiket Cabutan Bertuah.

Jam 8:00 pagi semua pekerja dan ahli keluarga masuk dan berkumpul di Foyer Legoland untuk memulakan aktiviti Hari Keluarga 2022. Acara dimulakan dengan Ucapan daripada Pengarah Urusan Alpha Industries Sdn Bhd, En.Yotaro Irie.



**EN. YOTARO IRIE**

Ucapan aluan bagi memulakan Hari Keluarga 2022  
Di Legoland Iskandar Malaysia

### Aturcara Hari Keluarga

Aktiviti Hari Keluarga diserikan lagi dengan beberapa acara yang bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi di antara pekerja dan ahli keluarga pekerja serta pihak pengurusan Alpha Industries.

•7:30AM -Ketibaan semua peserta

- Pendaftaran Masuk
- Pembahagian Tiket dan baucar tunai
- Pemberian beg goodies kepada kanak-kanak

•8:00AM - Pembukaan majlis oleh Emcee

- Taklimat Keselamatan
- Ucapan daripada En. Yotaro Irie
- Zumba
- Foto Kumpulan

•8:35AM - Sukaneka

\*4 Permainan

•9:30AM - Cabutan Bertuah

•9:45AM - Tamat Sukaneka

•10:00AM- Meneroka Legoland

- \*Taman Tema
- \* Taman Hidupan Laut

•06:00PM- Tamat



Berkumpul di Foyer Legoland  
Malaysia untuk Acara  
Sukaneka Hari Keluarga 2022.

## SUKANEKA

Sukaneka di Foyer Legoland telah diadakan dengan empat permainan sukaneka iaitu permainan *Terbang Tinggi*, *Permainan Lumba Chop Stick Gergasi*, *Permainan Bola Australia* dan *Permainan Cabaran Capteh*.

Seronok melihat pekerja dan ahli keluarga yang turut serta dalam sukaneka ini dengan hilai tawa mereka.

Peserta yang menang di setiap permainan diberikan hadiah secara berkumpulan yang disediakan oleh Actsperiece Network yang merupakan pengurus acara yang telah dilantik bagi menguruskan acara sukaneka hari keluarga tahun ini.

## CABUTAN BERTUAH

Alpha telah menaja hadiah cabutan bertuah sebanyak RM2,000 untuk diberikan kepada 20 keluarga yang bertuah pada hari tersebut. Setiap keluarga yang bertuah akan menerima baucar LOTUS's sebanyak RM100 bagi setiap penerima.



## MAKANAN ASIA DAN BARAT

Perut dah terasa lapar, mana lagi tempat dituju jika bukan Restoran di dalam Legoland.

Restoran di dalam Legoland menyediakan makanan Asia dan Barat untuk pengunjung menikmati juadah makanan yang disediakan.


Alpha menyediakan baucar tunai Legoland bagi setiap ahli keluarga iaitu RM50 bagi dewasa dan RM40 bagi kanak-kanak yang berusia 3 tahun hingga 12 tahun. Jumlah baucar ini sudah mencukupi bagi pekerja dan ahli keluarga pekerja untuk menikmati juadah makan tengah hari dan minum petang di Legoland Malaysia.

Manakala hadiah untuk cabutan bertuah yang pertama telah ditaja oleh Legoland Malaysia iaitu baucar penginapan Hotel Legoland untuk 5 orang telah dimenangi oleh Keluarga En. Rizal Bin Mustapa daripada Jabatan Sumber Manusia.

## TAMAN TEMA DAN HIDUPAN LAUT LEGOLAND

Menariknya permainan di Legoland ini, mereka menyediakan permainan 50% untuk kanak-kanak dan 50% untuk permainan keluarga. Di bahagian Taman Tema Legoland dilihat ramai anak-anak daripada pekerja Alpha menaiki permainan di Taman Tema Legoland dan mereka tersenyum girang selepas meneroka permainan tersebut.

Di Taman Hidupan Laut pula keluarga pekerja dapat meneroka hidupan laut dari dekat melalui akuarium-akuarium yang dipamerkan seolah-olah kita berada di dalam laut.



## TIKET MASUK

Alpha telah membelanjakan sebahagian besar tiket taman tema kepada pekerja Alpha dan keluarga iaitu Taman Tema dan Taman Hidupan Laut dengan tajaan setiap dewasa sebanyak RM180 dan kanak-kanak RM144 seorang. Pekerja dan ahli keluarga yang menyertai Hari Keluarga di Legoland Malaysia adalah seramai 204 orang iaitu terdiri daripada 193 dewasa dan 11 kanak-kanak.

Syarikat juga memberi peluang kepada keluarga pekerja yang inginkan Pas Lawatan Tahunan dengan hanya menambah RM77 bagi dewasa dan RM84 bagi kanak-kanak mengikut harga korporat yang diberikan oleh Legoland kepada Alpha.



Sambil tersenyum, Muhamad dengan anaknya melambaikan tangan kepada jurufoto.

# LENSA KAMERA

